

Rujukan Kami : LIPM:SPT/BSB/01/01/4 ( 02 )  
Tarikh : 17 Jun 2021

Kepada sesiapa yang berkenaan,

**PEMAKLUMAN KEPADA PENGIMPORT BERKENAAN PENGURUSAN COA  
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP 3.0)**

Lanjutan dari pengumuman Perdana Menteri yang melanjutkan tempoh PKP 3.0 sehingga **28 Jun 2021**, pihak CIDB masih menetapkan kebenaran pengeluaran *Certificate of Approval (COA)* hanya akan dikeluarkan untuk *Bill of Lading/ Airway Bills* bertarikh sehingga **31 Mei 2021** sahaja.

2. Bagi *Bill of Lading/ Airway Bills* yang bermula dari **01 Jun 2021**, COA hanya akan dikeluarkan untuk konsainan yang telah pun mempunyai Sijil Perakuan Pematuhan Standard (PPS).
3. Proses verifikasi di pelabuhan dan premis telah ditangguhkan buat sementara waktu sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Sehubungan dengan itu, pengeluaran COA akan menggunakan Kaedah Akujanji. Proses verifikasi akan dijalankan semula di gudang berlesen/ premis yang diluluskan oleh CIDB selepas PKP 3.0 tamat atau sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Pengimport dinasihatkan untuk mengimport produk yang telah mempunyai PPS sahaja. Borang akujanji boleh dimuat turun di pautan berikut: <https://drive.google.com/drive/folders/1HHXTdSzaMs4TLMA6lcxP1L5xcuyu7BjE>
4. Pihak pengimport tidak dibenarkan memindah/ mengalihkan/ menggunakan produk sehingga verifikasi selesai dijalankan dan surat Kelulusan Penggunaan Produk dikeluarkan oleh CIDB. Walaubagaimanapun, penggunaan Kaedah *Self-Declaration* dibenarkan sekiranya terdapat keperluan untuk menggunakan keseluruhan konsainan sepanjang tempoh PKP 3.0 berlangsung dan surat kebenaran beroperasi dari MITI atau mana-mana agensi yang berkenaan perlu dikemukakan.
5. Laporan *Self-Declaration* seperti di **Lampiran A** perlu disediakan dalam format PDF cetakan berwarna yang lengkap.
6. Contoh format Laporan *Self-Declaration* boleh dirujuk di **Lampiran B**.

Rujukan Kami : LPIPM:SPT/BSB/01/01/4 ( 02 )

Tarikh : 17 Jun 2021

7. Dengan persetujuan menerimapakai kaedah ini, ianya bermaksud pengimport bersetuju memastikan laporan pemeriksaan yang disediakan adalah tepat dan benar pada masa laporan tersebut dikeluarkan. Sebarang penipuan laporan pemeriksaan akan menyebabkan pengimport berhadapan dengan tindakan undang undang oleh CIDB di bawah Akta 520 CIDB.
8. Semua konsainan yang masih belum mempunyai PPS tetapi telah tiba di pintu masuk negara dalam tempoh tersebut, perlu ditempatkan sementara di mana-mana gudang berlesen sehingga PKP 3.0 tamat atau sehingga terdapat arahan lanjut dari CIDB yang akan dimaklumkan kelak.
9. Semua urusan dilaksanakan menerusi dalam talian (online), emel CIDB & ePermit. Sebarang pertanyaan boleh diemelkan ke alamat emel seperti di **Lampiran C**.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BINA SEMPURNA"**



**(Ts. MOHD IDRUS BIN DIN)**

Pengurus Besar

Bahagian Standard dan Bahan Binaan

Rujukan Kami : LPIPM:SPT/BSB/01/01/4 ( 02 )

## Lampiran A

### LAPORAN SELF-DECLARATION

1. No. permohonan, no. kontena, no. *seal*, jenis produk, kuantiti keseluruhan produk, bilangan *bundle*, standard, gred, dimensi produk, nama pengilang, nombor PC/ FTTR (Rujuk kepada kelulusan No. TPIB), deklarasi pengimport beserta dengan tandatangan dan cop syarikat.
2. Gambar nombor seal yang jelas (sekiranya berkenaan).
3. Gambar kontena dan keseluruhan produk dalam kontena (sekiranya berkenaan).
4. Gambar produk yang telah dikeluarkan dari kontena dan disusun mengikut permohonan/ saiz/ gred/ bundle/ model untuk tujuan pengiraan kuantiti oleh pegawai CIDB berdasarkan gambar-gambar tersebut.
5. Gambar penandaan pada produk perlu diambil bagi setiap saiz/ heat number/ standard/ gred/ jenis/ jenama/ model.
6. Setiap gambar yang digunakan dalam laporan perlu mempunyai tarikh pada gambar tersebut.

LAPORAN PEMERIKSAAN KAEDAH *SELF-DECLARATION* OLEH PENGIMPORT  
SEMASA PKP

Nama Syarikat : .....  
No. Permohonan COA : .....

**1: MAKLUMAT BERKAITAN DENGAN PRODUK:**

1.1 Jenis produk : .....

1.2 Kuantiti (mengikut saiz/ kategori) :.....

1.3 Standard yang digunapakai : .....

1.4 No. PC/FTTR : .....

1.5. No. PPS : .....

- i. Laporan *Self-Declaration* ini disediakan sebagai syarat untuk kelulusan penggunaan produk dan dilaksanakan semasa tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- ii. Saya/ Kami berakujanji bahawa apa yang saya/kami laporkan ini adalah benar seperti maklumat yang kami nyatakan di dalam ePermit bagi permohonan di atas;
- iii. Sekiranya terdapat perbezaan produk atau bahan binaan, kuantiti, penandaan tidak menepati standard, pembungkusan berubah, susunan produk atau bahan binaan telah berubah bentuk dalam pembungkusan atau apa-apa perubahan bentuk keadaan fizikal maka:
  - a. Produk atau bahan binaan tersebut boleh disita dan/atau;
  - b. Saya/ Kami bertanggungjawab untuk menghantar semula kesemua produk tersebut ke negara asal dan menanggung segala perbelanjaan dalam semua urusan bersabit kesalahan dan ketidakpatuhan yang dilakukan;
  - c. Saya/ Kami tidak akan menuntut sebarang kos dari Lembaga berkaitan kesalahan ini.

LAPORAN PEMERIKSAAN KAEDAH *SELF-DECLARATION* OLEH PENGIMPORT  
SEMASA PKP

Nama Syarikat : .....  
No. Permohonan COA : .....

- iv. Sekiranya saya/ kami gagal mematuhi Akujanji ini, saya/ kami dan pengarah-pengarah akan diambil tindakan tatatertib/ perundangan/ denda dan disenarai hitamkan dan dengan itu Lembaga berhak untuk tidak melayan sebarang permohonan dari saya/ kami dan pengarah-pengarah dalam sebarang urusan pengimpotan.

Laporan ini disediakan oleh:

\_\_\_\_\_

Nama: .....

(Pengarah Syarikat)

Jawatan :

No. K/P:

Cop Syarikat:

Tarikh :

LAPORAN PEMERIKSAAN KAEDAH *SELF-DECLARATION* OLEH PENGIMPOR  
SEMASA PKP

Nama Syarikat : .....  
No. Permohonan COA : .....

2. GAMBAR BERKAITAN DENGAN PRODUK:

2.1 Gambar kontena dan keseluruhan produk dalam kontena

#CONTOH GAMBAR



2.2 Gambar seal (jika berkaitan) – pastikan no. seal adalah jelas

#CONTOH GAMBAR



LAPORAN PEMERIKSAAN KAEDAH *SELF-DECLARATION* OLEH PENGIMPORT  
SEMASA PKP

Nama Syarikat : .....  
No. Permohonan COA : .....

2.3: Gambar produk yang telah dikeluarkan dari kontena dan disusun mengikut permohonan/ saiz/ gred/ *bundle*/ model untuk tujuan pengiraan kuantiti oleh pegawai CIDB berdasarkan gambar-gambar tersebut.

#CONTOH GAMBAR





LAPORAN PEMERIKSAAN KAEDAH *SELF-DECLARATION* OLEH PENGIMPORT  
SEMASA PKP

Nama Syarikat : .....  
No. Permohonan COA : .....

2.4: Gambar penandaan pada produk perlu diambil bagi setiap saiz/ *heat number*/  
standard/ gred/ jenis/ jenama/ model.

#CONTOH GAMBAR



HOT ROLLED SECTIONS OF NON –ALLOY STRUCTURAL STEEL  
(150 X 75 X 6.5)MM X 6M

TOTAL = 816 PCS (34 BUNDLES)

Lampiran C

<b>Bil</b>	<b>Pejabat CIDB</b>	<b>Emel untuk dihubungi</b>
1.	Ibu Pejabat	<a href="mailto:qpass@cidb.gov.my">qpass@cidb.gov.my</a>
2.	Johor	<a href="mailto:qpassjhr@cidb.gov.my">qpassjhr@cidb.gov.my</a>
3.	Pulau Pinang	<a href="mailto:coaccpm-png@cidb.gov.my">coaccpm-png@cidb.gov.my</a>
4.	Selangor	<a href="mailto:ubb.cidb Selangor@cidb.gov.my">ubb.cidb Selangor@cidb.gov.my</a>
5.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<a href="mailto:qpass_kl@cidb.gov.my">qpass_kl@cidb.gov.my</a>
6.	Terengganu	<a href="mailto:cidb_terengganu@cidb.gov.my">cidb_terengganu@cidb.gov.my</a>
7.	Kelantan	<a href="mailto:cidb_kelantan@cidb.gov.my">cidb_kelantan@cidb.gov.my</a>
8.	Kedah	<a href="mailto:cidb_kedah@cidb.gov.my">cidb_kedah@cidb.gov.my</a>
9.	Perak	<a href="mailto:qpassprk@cidb.gov.my">qpassprk@cidb.gov.my</a>
10.	Melaka	<a href="mailto:cidb_melaka@cidb.gov.my">cidb_melaka@cidb.gov.my</a>
11.	Kota Kinabalu, Sabah	<a href="mailto:cidb_kk@cidb.gov.my">cidb_kk@cidb.gov.my</a>
12.	Sandakan, Sabah	<a href="mailto:cidb_sandakan@cidb.gov.my">cidb_sandakan@cidb.gov.my</a>
13.	Tawau, Sabah	<a href="mailto:cidb_tawau@cidb.gov.my">cidb_tawau@cidb.gov.my</a>
14.	Kuching, Sarawak	<a href="mailto:cidb_kuching@cidb.gov.my">cidb_kuching@cidb.gov.my</a>
15.	Sibu, Sarawak	<a href="mailto:cidb_sibu@cidb.gov.my">cidb_sibu@cidb.gov.my</a>
16.	Bintulu, Sarawak	<a href="mailto:cidb_bintulu@cidb.gov.my">cidb_bintulu@cidb.gov.my</a>
17.	Miri, Sarawak	<a href="mailto:cidb_miri@cidb.gov.my">cidb_miri@cidb.gov.my</a>
18.	Negeri Sembilan	<a href="mailto:cidb_n9@cidb.gov.my">cidb_n9@cidb.gov.my</a>
19.	Perlis	<a href="mailto:cidb_perlis@cidb.gov.my">cidb_perlis@cidb.gov.my</a>
20.	Pahang	<a href="mailto:cidb_pahang@cidb.gov.my">cidb_pahang@cidb.gov.my</a>



## **SOALAN LAZIM BERKAITAN PROSEDUR IMPORT SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0**

**Soalan 1: Bagaimana CIDB menangani proses pengeluaran *Certificate of Approval* (COA) sepanjang tempoh MCO 3.0 ini?**

**Jawapan:** CIDB memberikan kebenaran untuk menggunakan kaedah Akujanji bagi pengeluaran COA sepanjang tempoh MCO 3.0. Kaedah ini membenarkan pengimport memohon dan mengeluarkan konsainan dari pelabuhan dan menempatkan konsainan di gudang/ premis sendiri. Walaubagaimana pun proses verifikasi masih akan diteruskan di gudang simpanan pengimport dan kebenaran menggunakan produk masih diperlukan (lihat soalan 4).

**Soalan 2: Apakah dokumen utama yang diperlukan semasa memohon COA sepanjang tempoh MCO 3.0?**

**Jawapan:** Syarat utama yang ditetapkan untuk memohon COA ialah hanya bahan binaan yang mempunyai sijil Perakuan Pematuhan Standard (PPS) sahaja dibenarkan untuk memohon COA.

**Soalan 3: Apa yang perlu dilakukan oleh pengimport selepas mendapat COA?**

**Jawapan:**

- i. Konsainan hendaklah disusun dengan teratur mengikut nombor kelulusan permit.
- ii. Kontena dibenarkan untuk dibuka tetapi pengimport perlu menyimpan nombor seal.
- iii. Tidak dibenarkan untuk menggunakan atau mengalihkan konsainan seperti dinyatakan dalam borang Akujanji sehingga proses verifikasi selesai dijalankan oleh pegawai CIDB dan surat Kelulusan Penggunaan Produk dikeluarkan.
- iv. Verifikasi akan dilaksanakan oleh CIDB selepas arahan MCO ditamatkan oleh kerajaan.

**Soalan 4: Bagaimana sekiranya terdapat keperluan untuk menggunakan konsainan sebelum MCO 3.0 ditamatkan?**

**Jawapan:** Pengimport perlu mengemukakan surat permohonan untuk menggunakan kaedah *Self-Declaration* dan mengemukakan surat kebenaran beroperasi dari MITI atau kementerian yang berkaitan. Sekiranya pihak CIDB bersetuju, pengimport akan diarahkan untuk menyediakan laporan *Self-Declaration* mengikut format yang telah ditetapkan dan dihantar kepada CIDB. Laporan yang mengikut format dan lengkap akan memperolehi **Kelulusan Penggunaan Produk secara emel atau surat rasmi**. Laporan yang tidak lengkap dan tidak mengikut format akan ditolak. Pengimport perlu menghantar semula laporan *Self-Declaration*.

**Soalan 5: Produk mempunyai sijil PPS tetapi konsainan tiba selepas 1 Jun 2021. Apakah yang perlu dilakukan oleh pengimport?**

**Jawapan:** Sekiranya *Bill of Lading (BL)* bertarikh **sebelum 1 Jun 2021**, pengimport dibenarkan menggunakan kaedah Akujanji dan menggunakan laporan *Self-Declaration* tanpa surat kebenaran MITI. Sekiranya *BL* bertarikh **selepas 1 Jun 2021**, pengimport hanya dibenarkan untuk mengeluarkan produk menggunakan kaedah Akujanji tetapi tidak dibenarkan menggunakan laporan *Self-Declaration* sehingga mendapat surat kebenaran MITI atau kementerian berkaitan.

**Soalan 6: Apa yang perlu dilakukan oleh pengimport sekiranya produk tiba tanpa PPS?**

**Jawapan:** Bagi bahan binaan yang tidak mempunyai sijil PPS perlu ditempatkan di mana-mana gudang berlesen sehingga arahan MCO 3.0 ditamatkan. Pengujian penuh (*Full Type Test Report - FTTR*) masih boleh dilakukan tetapi COA tidak akan dikeluarkan sehingga produk mempunyai PPS.

**Soalan 7: Bagaimana pengimport berstatus bukan pengilang ingin memohon surat kelulusan penggunaan produk?**

**Jawapan:** Bagi pengimport berstatus bukan pengilang, perlu kemukakan surat kelulusan beroperasi dari kementerian yang berkaitan seperti KPDNHEP bagi pengimport berstatus *trader*. Bagi pengimport berstatus kontraktor, sila kemukakan permohonan melalui sistem CIMS MITI dan memilih kluster pembinaan di bawah sub perkara pembekalan bahan binaan ke tapak bina dan memasukkan nama projek dan no. notifikasi yang diluluskan oleh MITI untuk tapak beroperasi.

Disediakan oleh:

**Unit Import  
Bahagian Standard & Bahan Binaan  
CIDB Malaysia  
17 Jun 2021**